

10 DEC 1996

LEAD Negara-Mohamed

MOHAMED YAACOB YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA BARU

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaacob hari ini dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Negara yang baru menggantikan Datuk Adam Kadir.

Mohamed, 70, mengangkat sumpah jawatan pada persidangan Dewan Negara yang bermula hari ini.

Cadangan ke atas nama Mohamed dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Mohamed menceburi bidang politik sejak tahun 1950 dengan menyertai Umno dan bertanding buat kali pertama dalam pilihan raya umum pada tahun 1969 dengan memenangi kerusi Parlimen Tanah Merah.

Beliau pernah memegang jawatan menteri Kabinet sebelum dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan pada 1978 dan kekal dalam jawatan itu sehingga PAS menewaskan Umno untuk membentuk kerajaan negeri baru pada 1990.

Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan kerajaan termasuk sebagai setiausaha sulit kepada Almarhum Sultan Kelantan, majistret, timbalan pendakwa raya dan Penasihat Undang-undang di Terengganu dan Johor.

Mohamed yang dilahirkan di Palekbang, Tumpat mempunyai kelulusan ijazah undang-undang dari Lincoln's Inn, London.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis perlantikan itu, Mohamed berkata adalah menjadi pengalaman baru baginya mendengar orang bercakap sebebas meninggalkan bidang politik secara aktif sejak enam tahun lepas.

"Saya tidak pernah menduga akan menjawat jawatan yang penting ini sehinggalah diberitahu oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lepas," katanya.

Katanya, beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar kerana memberi kepercayaan penuh kepadanya memegang jawatan yang penting itu.

Katanya, dalam melaksanakan tugas itu, beliau berhasrat akan memberi keadilan sewajarnya kepada semua pihak yang terbabit.

Mohamed berkata ini mungkin bidang baru baginya dan akan terus belajar dan menganggapnya sebagai sesuatu yang menarik.

-- Bernama

HT AHH